

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU MAKMAL**

**KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN SAINS**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **SOKONGAN**

**TARIKH KUAT KUASA** : **1 NOVEMBER 2002**

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>	
<b>Gred C17</b>	P1T1 RM659.93 P2T1 RM701.07 P3T1 RM743.42	- P1T24 RM1724.73 - P2T24 RM1821.53 - P3T24 RM1921.96
<b>Gred C22</b>	P1T1 RM1535.97 P2T1 RM1649.71	- P1T12 RM2274.07 - P2T12 RM2511.23
<b>Gred C26</b>	P1T1 RM1761.03 P2T1 RM1929.22	- P1T9 RM2390.23 - P2T9 RM2616.50

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - warganegara Malaysia;
    - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek Sains pada peringkat peperiksaan tersebut;dan
    - lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
- Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred C17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
- Pembantu Makmal Gred C17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
- Pembantu Makmal boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
- Pembantu Makmal Gred C17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
- Pembantu Makmal Gred C17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
    - memenuhi tempoh percubaan;

- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
8. Pembantu Makmal hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED C22**
9. Pembantu Makmal Gred C17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Makmal Gred C22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED C26**
10. Pembantu Makmal Gred C22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Makmal Gred C26 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI SAINS**
11. Pembantu Makmal yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Sains atau Penolong Pegawai Kimia Bumi Gred C27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].